

03/10/2003

Badan khas atasi cek tipu (HL)

Wan Jailani Razak; Suffian A Bakar

LANGKAWI: Kementerian Kewangan menubuhkan badan khas bagi menangani penyelewengan cek milik beberapa kerajaan negeri yang membabitkan kerugian berjuta-juta ringgit baru-baru ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, badan itu turut bertindak memantau urusan kerajaan selain menumpukan perhatian kepada badan berkanun dan syarikat milik kerajaan.

"Sekarang kita tumpu kepada badan berkanun dan syarikat kerajaan. Tetapi dalam (jabatan) kerajaan pun kita pantau. Kita nak segala laporan mesti dibuat secara berkala dan menggunakan format tertentu," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mengadakan pertemuan dan majlis makan tengah hari bersama Putera Raja Arab Saudi, Laksamana Fahd Abdullah Mohammed Abdul Rahman Al-Saud, di sini semalam.

Pada 27 September lalu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, mendedahkan kira-kira 500 cek bernilai RM4 juta dipalsukan dengan RM3 juta daripadanya sudah ditunaikan, manakala baki RM900,000 lagi ditahan pembayarannya.

Kes yang sama berlaku di Melaka apabila Ketua Menterinya, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mendedahkan kerajaan Melaka turut menjadi mangsa sindiket pemalsuan cek bank tempatan apabila 173 cek bernilai hampir RM1.3 juta diklon pada April lalu.

Sindiket itu menunaikan 111 keping cek bernilai RM766,111.27 melalui akaun pembayar membabitkan 16 syarikat, termasuk 12 di luar Melaka.

Selasa lalu, Berita Harian melaporkan sekurang-kurangnya empat kerajaan negeri dan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dikesan menjadi sasaran sindiket penipuan melalui pemalsuan cek bank tempatan sejak awal tahun lalu.

Kes pertama dikesan pada Januari tahun lalu membabitkan cek palsu yang kononnya dikeluarkan kerajaan Perlis dan sebulan selepas itu Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan pula ditipu.

Dua lagi negeri ialah Perak, Negeri Sembilan pada Mei lalu dan yang terbaru Pulau Pinang.

Kelmarin, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Othman Talib, berkata sindiket itu dipercayai didalangi seorang penganggur, Syed Ismail Syed Alwi yang pernah ditahan polis di Kuala Lumpur pada tahun 2000 kerana kesalahan serupa.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata Bank Negara sedang mengkaji bagaimana pemalsuan cek berlaku dan mengenal pasti formula mengetatkan peraturan berkaitan pengeluaran cek di negara ini.

Beliau berkata, dalam kajian itu Bank Negara akan meneliti bagaimana pengklonan cek boleh dilakukan dan mencari jalan mengelak perkara sedemikian berulang.

"Kajian ini membabitkan bank pusat dan institusi kewangan swasta yang lain," katanya selepas merasmikan pameran perumahan, Mapex 2003 di Pusat Pameran Mid Valley, semalam.